



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (44)

SIARAN MEDIA

PHP 2025 SERLAH SOKONGAN KOMUNITI TERHADAP SEKTOR PERIKANAN NEGARA

SUNGAI PETANI, KEDAH, 2 November 2025 – Penganjuran Program Hari Perikanan (PHP) 2025 di Pantai Merdeka, Kedah yang berlangsung sejak 31 Oktober lalu melabuhkan tirainya hari ini dengan sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan pemain industri perikanan.

PHP 2025 mencatatkan **kehadiran seramai 17,147 pengunjung** dengan **nilai jualan keseluruhan berjumlah RM65,942.10** serta **potensi pelaburan sebanyak RM181,701.00**. Pencapaian ini mencerminkan sokongan padu masyarakat dan industri terhadap sektor perikanan negara, melibatkan penyertaan usahawan serta pempamer daripada pelbagai segmen industri perikanan, agropelancongan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

PHP 2025 merupakan kesinambungan penganjuran julung kali pada tahun 2024 di Putrajaya dan diteruskan tahun ini dengan objektif memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sumber perikanan serta peranan industri ini dalam menyokong keterjaminan makanan negara.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang tiga hari penganjuran termasuk pameran interaktif, reruai jualan, *Fun Run & Fun Walk*, sukan rakyat, pertandingan mewarna dan aktiviti komuniti yang menekankan mesej kelestarian dan tanggungjawab terhadap sumber perikanan negara.

Ketua Pengarah Perikanan, Yang Berbahagia Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, sambutan yang diterima daripada masyarakat menunjukkan kesedaran dan minat yang semakin meningkat terhadap perikanan sebagai sumber rezeki, peluang ekonomi dan aset semula jadi yang perlu dipelihara.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

“Program ini bukan sekadar ruang untuk berhibur, tetapi platform mendekatkan masyarakat dengan usaha Jabatan memperkukuh kelestarian sumber dan memperkenalkan inovasi baharu dalam industri perikanan. Penglibatan komuniti secara langsung penting bagi memastikan kesinambungan sumber laut dan perikanan darat dapat dijaga bersama,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pengusaha, usahawan dan masyarakat tempatan atas sokongan terhadap penganjuran PHP 2025, selaras dengan tema tahun ini “Lautan Menjamin Kemampanan Sumber Perikanan.”

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam memperkasa sektor perikanan melalui pemerkasaan komuniti, pembangunan teknologi dan pengurusan sumber yang berkesan bagi menjamin keterjaminan makanan negara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my